NOTIS PEMAKLUMAN

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

13 JANUARI 2021 - 26 JANUARI 2021

PENGOPERASIAN AKTIVITI PERNIAGAAN

KEPADA : SEMUA PEMILIK DAN PENGUSAHA PREMIS PERNIAGAAN DI DALAM PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KLUANG

TARIKH : 16 JANUARI 2021

SILA AMBIL MAKLUM bahawa kerajaan telah menguatkuasakan **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** mulai **13 Januari 2021 hingga 26 Januari 2021** sebagai langkah tindakan kawalan dalam membendung penularan wabak COVID-19 di seluruh negara.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa semua aktiviti ibadah di masjid adalah tertakluk kepada kebenaran terhad seperti ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri manakala lain-lain aktiviti keagamaan seperti Rumah Ibadat Bukan Islam adalah tertakluk kepada SOP yang ditetapkan. Senarai aktiviti perniagaan/lain-lain aktiviti yang **DIBENARKAN BEROPERASI** dan **TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI di dalam tempoh PKP** adalah seperti berikut:

SENARAI AKTIVITI YANG DIBENARKAN BEROPERASI (KEBENARAN BERSYARAT/TERHAD)

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
1.	a) Hospital & Klinik b) Pusat Diagnostik c) Pusat Bersalin d) Pusat Fisioterapi/ Rehabilitasi e) Pusat Dialisis f) Makmal Perubatan g) Klinik Veterinar h) Kedai Ubat Tradisional Berdaftar	**SEPERTI BIASA**
2.	Institusi Kewangan a) Perbankan/ATM/CDM b) Insurans/Takaful c) Entiti-entiti lain yang dilesen,dilulus atau didaftar oleh Bank Negara Malaysia e) Entiti-entiti pasaran modal yang dilesen, didaftar atau dikawalselia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia *Kecuali **mesin ATM/CDM** waktu operasi yang dibenarkan adalah pada **6.00 pagi hingga 10.00 malam.**	**6.00 pagi hingga 8.00 malam**
3.	a) Pasar Awam (Majlis Perbandaran Kluang) b) Pasar Awam (Persendirian) c) Pasar Tani	**7.00 pagi hingga 2.00 petang**

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
4.	Stesen Minyak bersama *Mart/*Kedai Serbaneka *Kecuali ***Mart/*** **Kedai Serbaneka** di dalam stesen minyak, waktu operasi yang dibenarkan adalah pada **6.00 pagi hingga 8.00 malam sahaja** manakala **stesen minyak di lebuhraya dibenarkan beroperasi sehingga 24 jam.**	**6.00 pagi hingga 10.00 malam**
5.	a) Restoran b) Kedai Makan c) Medan Selera d) Gerai Makan (Gerai Majlis Perbandaran Kluang) e) Gerai Makan (Berbumbung) f) *Kiosk* * Kebenaran hanya diberikan bagi perkhidmatan **secara bawa pulang, pandu lalu atau penghantaran.**	**6.00 pagi hingga 8.00 malam**
6.	a) Pasar Mini b) Kedai Runcit c) Kedai Serbaneka 24 Jam d) Pemborong Runcit	**6.00 pagi hingga 8.00 malam**
7.	a) Pajak Gadai b) Kredit Komuniti (syarikat peminjam wang berlesen) c) Ar-Rahnu Koperasi	**6.00 pagi hingga 8.00 malam**
8.	Pembinaan *Mendapat **kelulusan beroperasi daripada CIMS MITI** dan dipamerkan di premis/tapak bina. Perlu **mematuhi SOP Sektor Pembinaan** dan hanya menjalankan aktiviti sektor pembinaan yang dibenarkan sahaja.	**SEPERTI BIASA**
9.	Utiliti i. Air ii. Tenaga	**SEPERTI BIASA**
10.	Kedai Farmasi/Penjagaan Diri	**6.00 pagi hingga 8.00 malam**

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
11.	a) Kompleks Membeli-Belah b) Pasaraya/ Pasaraya Besar/*Departmental Store* c) Kedai Dobi/Dobi Layan Diri d) Kedai Emas e) Kedai Perabot f) Kedai Buku & Alat Tulis g) Kedai Elektrik dan Elektronik h) Pusat Pengedaran dan Jualan Kereta i) Kedai Cermin Mata dan Alat Optik * Aktiviti perniagaan hanya **dibenarkan setelah mendapat kelulusan MITI.** *****Aktiviti **Bahagaian Pakaian** di bawah *Departmental Store* adalah **tidak dibenarkan beroperasi.** ***** Pemilik **Kedai Dobi Layan Diri** perlu memastikan **sekurang-kurangnya 1 orang pekerja ditugaskan bagi memantau pelaksanaan pematuhan SOP yang ditetapkan.**	**6.00 pagi hingga 8.00 malam**
12.	Pusat Asuhan Kanak-Kanak, TASKA, Tadika dan Tabika *Aktiviti asuhan atau penjagaan kanak-kanak hanya **dibenarkan setelah mendapat kebenaran beroperasi oleh kementerian/agensi berkaitan.**	**SEPERTI BIASA**
13.	a) Infrastuktur Telekomunikasi & Digital termasuk perkhidmatan ICT dan perkhidmatan perniagaan global (GBS). b) E-Dagang dan rantaiannya termasuk perkhidmatan *e-marketplace*, pembayaran digital dan pusat internet e-dagang setempat. c) Pos dan Kurier d) Penyiaran * Hanya syarikat **Penyedia Infrastruktur Telekomunikasi** dan **Penyedia Rangkaian Telekomunikasi (Telco)** sahaja dibenarkan beroperasi.	**SEPERTI BIASA**
14.	Hotel a) Penginapan b) Khidmat Restoran (bawa pulang/ penghantaran/*room service* manakala perkhidmatan *buffet* tidak dibenarkan)	**SEPERTI BIASA**

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
15.	Aktiviti Penjajaan i. Penjaja Tepi Jalan ii. Penjaja Bergerak a) Kenderaan Bersaji *(food truck)* b) *Luton Van* *****Kebenaran terhad hanya kepada **pemegang Permit Sementara yang sah di kawasan yang dibenarkan sahaja.** Kebenaran hanya diberikan bagi perkhidmatan secara **bawa pulang, pandu lalu atau penghantaran.** Senarai **kawasan yang tidak dibenarkan bagi aktiviti penjajaan** adalah seperti berikut : **1. Di sepanjang Jalan Penghulu Kassim** **2. Di sepanjang Jalan Tembikai** **3. Di sekitar Rumah Pangsa Haji Manan** **4. Di sepanjang Jalan Utama Paloh - Kg Baru** **5. Di sepanjang Jalan Batu Pahat - Mersing** **6. Di sepanjang Jalan Intan 2/2**	**6.00 pagi hingga 8.00 malam**
16.	a) Bengkel Kenderaan (servis / tayar / alat ganti) b) Kedai *Hardware* c) Kedai Menjual Alat Tukar Ganti Untuk Jentera Pertanian dan Industri Pertanian	**6.00 pagi hingga 8.00 malam**
17	Pertanian, perikanan dan penternakan termasuk perkhidmatan veterinar: i. Pengurusan ladang/ sarang burung walit/kuda/loji pemprosesan haiwan/rumah sembelihan/ ternakan/kilang makanan haiwan ternakan/pembekal seperti vaksin/ pengurusan ternakan/kedai haiwan kesayangan (operasi pemindahan ternakan adalah pada waktu malam; ii. Kawalan penyakit dan dikawalselia pengeluaran ternakan hidup, input ternakan dan produk berkaitan industri ternakan (termasuk eksport dan import); iii. Pengurusan kesihatan, diagnosa penyakit dan rawatan haiwan 6.00 pagi hingga 8.00 malam.	**SEPERTI BIASA**
18.	Pengilangan dan Pembuatan *Hanya industri yang disenaraikan di dalam perkhidmatan perlu/*essential service* dibenarkan beroperasi dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.	**SEPERTI BIASA**
19.	a) Perkhidmatan Profesional i. Akauntan ii. Peguam iii. Auditor iv. Jurutera v. Arkitek vi. Saintifik (termasuk R&D) vii. Teknikal (termasuk penyenggaraan) b) Perkhidmatan Kawalan Keselamatan *(security services)*	**SEPERTI BIASA**

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
20.	a) Pengurusan sisa pepejal/ pembentungan b) Pembersihan awam c) Pembersihan premis dan sanitasi	**SEPERTI BIASA**
21.	a) Pengangkutan melalui darat, air dan udara. b) Perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang termasuk pemunggahan dan pemindahan kargo, pemaliman, penyimpanan atau pemukalan komoditi.	**SEPERTI BIASA**
22.	a) Penggudangan dan Logisitk b) Pertanian,perikanan dan penternakan serta rantaiannya c) Perladangan dan komoditi serta rantaiannya d) Apa-apa perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan yang ditentukan oleh Menteri Kesihatan selepas berunding dengan pihak berkuasa yang mengawal selia perkhidmatan, kerja industri dan perniagaan itu.	**SEPERTI BIASA**

SENARAI AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI

BIL	JENIS PERNIAGAAN/ AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
1.	i. Pasar Pagi/Pasar Malam/Bazar Karat@*Uptown/* Ekspo ii. Kedai Pakaian iii. Kedai Gunting Rambut/Salon iv. SPA & Refleksologi v. Kelas Tuisyen,Muzik,Tarian,Seni,Mengaji,Bahasa dan sebagainya. vi. Kedai Cuci Kereta vii. Lain-lain aktiviti perniagaan samada di dalam atau di luar kompleks membeli-belah/pasaraya yang tidak dinyatakan di dalam senarai operasi yang dibenarkan oleh MKN, MITI atau KPDNHEP. viii. Lain-lain aktiviti perniagaan yang diluluskan oleh MITI tetapi sebahagian pelaksanaan rantaian operasi perniagaannya telah dikategorikan sebagai *non-essential service* oleh Pihak Berkuasa Tempatan.	**TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI**
2.	i. Kelab Malam/Pub ii. Taman Tema/*Indoor Playground* iii. Karaoke Keluarga iv. Panggung Wayang v. Konsert atau acara langsung	
3.	i. Mesyuarat bersemuka agensi kerajaan dan swasta melibatkan kehadiran wakil agensi luar. ii. Seminar/Bengkel/Kursus/Latihan/Persidangan/Ceramah/ Pameran dan aktiviti berkaitan dengan *Meeting,Incentives,Conventions and Exhibitions* (MICE).	
4.	i. Majlis Rasmi/Tidak Rasmi (kerajaan dan swasta) ii. Kenduri-kendara iii. Majlis Perkahwinan/Pertunangan iv. Resepsi v. Majlis Aqiqah vi. Doa Selamat vii. Tahlil viii. Sambutan Ulang tahun ix. Sambutan Hari kelahiran *x. Reunion* *xi. Retreat* xii. Lain-lain majlis sosial	
5.	Aktiviti Sukan/Riadah/Rekreasi *Kecuali **aktiviti *jogging* dibenarkan** dalam kumpulan **tidak melebihi 2 orang** hanya di dalam kawasan kejiranan sahaja dan **aktiviti berbasikal *(cycling)* secara berseorangan** tidak melebihi **10 km dari tempat kediaman adalah dibenarkan** manakala aktiviti **berbasikal berkumpulan tidak dibenarkan**.	
6.	a) Aktiviti pelancongan keluar atau masuk ke kawasan PKP dan PKPD. b) Lain-lain aktiviti yang boleh menyebabkan kehadiran orang ramai sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan.	

Langkah-Langkah Pencegahan Penularan Wabak Penyakit:

i. Semua pemilik perniagaan atau majikan di dalam senarai perkhidmatan perlu **hendaklah memastikan hanya 30% kehadiran dari kumpulan pengurusan manakala jumlah pekerja ditentukan oleh majikan** dengan memastikan amalan penjarakan fizikal dan protokol kesihatan awam dapat dilaksanakan di tempat kerja.

ii. Semua pemilik dan pengusaha premis perniagaan dikehendaki mengikuti **Langkah-Langkah Kerja Pembersihan (disinfeksi) menggunakan cecair pencuci dan peluntur nyahkuman yang selaras dengan tatacara yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** pada mana-mana permukaan yang bersentuhan serta alatan yang digunasama oleh orang ramai terutamanya troli, bakul barangan, tombol pintu, kaunter bayaran, eskalator, *nozzle pump* dan sebagainya secara kerap atau sebaik-baiknnya pada setiap kali digunakan.

iii. **Langkah-Langkah Kerja Pembersihan (disinfeksi) hendaklah dilaksanakan 2 atau 3 kali sehari** dalam tempoh operasi terutamanya di kawasan umum atau guna sama seperti lantai, lobi, lif, surau, tandas, stor, pejabat, kaunter, *cafeteria /* kantin, bilik mesyuarat, dewan serbaguna dan lain-lain.

iv. Semua pemilik dan pengusaha premis perniagaan atau kilang perlu **membuat pemeriksaan suhu badan semua pekerja** yang hadir bekerja pada awal waktu masuk bekerja serta merekodkan kehadiran dan bacaan suhu pekerja **(maksimum 37.5)** pada setiap hari.

v. Majikan diwajibkan untuk memastikan semua pekerja memakai pelitup muka.

vi. Majikan **digalakkan untuk menjalankan ujian saringan COVID-19 terhadap pekerja asing.** Keutamaan adalah bagi sektor pembinaan dan sektor kawalan keselamatan.

vii. Semua pemilik dan pengusaha premis perniagaan dikehendaki **untuk merekodkan kehadiran pelanggan dengan menggunakan aplikasi Mysejahtera atau Jejak Johor** dan **menyediakan thermal termometer** bagi menjalankan pemeriksaan suhu badan pelanggan (maksimum 37.5).

viii. Pemilik dan pengusaha premis perniagaan **dikehendaki menyediakan pesanitasi tangan** berasaskan alkohol atau menyediakan ruangan mencuci tangan.

ix. Pemilik dan pengusaha premis perniagaan hendaklah **memastikan pelaksanaan penjarakan fizikal minimum 1 meter** atau lebih di antara satu sama lain samaada pekerja atau pelanggan.

x. Pemilik dan pengusaha premis perniagaan hendaklah **melaksanakan penandaan penjarakan fizikal dilantai, meja dan kerusi ruangan menunggu** terutamanya di kawasan sesak seperti di kaunter bayaran, ruang menunggu/ beratur bagi memastikan penjarakan selamat minimum 1 meter.

xi. Menggalakkan penggunaan peralatan makanan jenis pakai buang *biodegradable.*

xii. **Menggalakkan kaedah pembayaran tanpa wang tunai** atau *cashless* (*e-wallet,* kad kredit dan lain-lain) bagi premis yang mempunyai kemudahan ini terutamanya di pasaraya, kedai runcit dan kedai serbaneka.

xiii. Majikan/pemilik syarikat **perlu mewujudkan Jawatankuasa Tindak Balas Menangani COVID-19** bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara mengurus kes-kes jangkitan COVID-19.

xiv. **Menggalakkan sistem temujanji secara dalam talian** bagi pelanggan yang ingin berurusan.

xv. Melaksanakan lain-lain arahan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi setiap sektor yang dibenarkan dalam tempoh PKP berdasarkan panduan yang telah dikeluarkan oleh MKN atau Kemeterian/Agensi berkaitan.

xvi. Melaksanakan langkah-langkah pencegahan penularan wabak penyakit yang sesuai mengikut panduan dan saranan oleh KKM dari semasa ke semasa.

Pemilik dan pengusaha premis perniagaan dikehendaki untuk mematuhi perintah ini mulai **16 Januari 2021 hingga 26 Januari 2021** dengan peruntukan bidangkuasa Majlis Perbandaran Kluang di bawah Seksyen **72(1)(f), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).**

Terima kasih.

Dengan Perintah,

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kluang
16 Januari 2021